

18/04/2001

Mahathir perkukuh Melayu demi kepentingan Islam

Maarop Md Noh

MENCARI sepuluh Mahathir, begitulah tajuk rencana utama majalah Spektra, sebuah majalah semipolitik dan kerjaya yang dikatakan bakal menjadi bahan bacaan profesional muda Melayu bagi memartabatkan bangsa, negara dan agama pada alaf baru dan abad ke-21. Rencana Mencari Sepuluh Mahathir disiarkan pada muka tujuh, ditulis oleh penganalisis politik veteran, Asrar Salikin.

Asrar Salikin menyatakan, Dr Mahathir Mohamad bukan sekadar pemimpin biasa, tetapi pemimpin Melayu bertaraf dunia. Beberapa wawasannya menyentak keintelektualan antarabangsa dan kepantasan serta kecermatannya bekerja memaksa ramai yang mendapati diri mereka terpintas dan sentiasa diawasi.

Asrar Salikin menyenaraikan beberapa kejayaan negara sejak Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri. Antaranya, projek pembangunan yang di luar jangkauan berfikir pemimpin biasa, seperti Putrajaya, KLIA, Wawasan 2020, lebuh raya berkembar, perkhidmatan Star, Putera pembangunan Pulau Langkawi, menyediakan kemudahan pendidikan di semua peringkat serta pembangunan agama dan sosial serta pelbagai lagi (sekadar menyebut beberapa rancangan saja).

Bagi mereka yang mempertikaikan kewajaran ini, biarkan mereka dengan khayalan tersendiri. Sejarah sudah pun membuat rakaman tepat. Selain dihormati dalam negara, Dr Mahathir menjadi juara pada peringkat antarabangsa. Dia adalah juara Selatan-Selatan, dia juga juara di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Apec, Asia, Asia Barat dan Asean. Malah namanya berkumandang dalam pelbagai blok dunia. Dia bukan saja mujahid bangsa Melayu, malah mujahid Islam yang praktikal, kata Asrar Salikin (lihat muka 8 Spektra Mei 2000).

Malangnya, majalah itu terlalu singkat usianya. Ia diterbitkan pada Mei 2000 bersempena Perhimpunan Agung Umno. Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, melancarkan majalah itu dalam suasana yang penuh kemesraan ilmu. Majalah itu ghaib begitu saja dan tidak pernah dipasarkan.

Selepas Tengku Abdul Rahman, Tun Razak Hussein dan Tun Hussein Onn, Dr Mahathir berjaya meletakkan negara di pentas dunia dan bangsa Melayu serta Islam dan negara ini di puncak dunia, kata Asrar Salikin.

Kita sengaja memilih topik Mencari Sepuluh Mahathir ini kerana melihatkan keadaan politik negara kini, khususnya perpaduan Melayu begitu membimbangkan. Dalam suasana dunia yang semakin tidak menentu, bangsa Melayu yang berpadu sejak 43 tahun merdeka tiba-tiba berkeadaan cemas yang tidak menentu.

Walaupun keadaan itu belum sampai ke tahap kucar-kacir, ia meninggalkan kesan psikologi yang berat. Dr Mahathir mengajak bangsa Melayu memuhasabah diri dan membetulkan segala kesilapan sendiri.

Pada lahirnya, saranan beliau ditujukan kepada parti politik Melayu, tetapi hakikatnya Dr Mahathir mengajak seluruh umat Melayu, terutama golongan intelektual supaya berfungsi mengukuh dan menyimen sebarang keretakan bangsa demi maruah dan martabat. Bagi beliau, bangsa Melayu, khususnya di kalangan intelektual, pusat pengajian tinggi dan pelbagai organisasi kemasyarakatan supaya tidak menjadi penonton di luar stadium.

Sejak merdeka pada 31 Ogos 1957, inilah kali pertama bangsa Melayu tergoyah pegangan dan sumbang langkah kependekaran mereka. Jika 13 Mei 1969 mencetuskan keadaan berdarah, tetapi peristiwa itu berjaya menyatukan bangsa Melayu dan melahirkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang canggi, tetapi kemelut perpecahan yang bermula selepas pilihan raya 1999 melahirkan

kecemasan berbeza dan keperitan mendalam. Umno yang menjadi tonggak kekuatan Melayu mengalami kemerosotan kedudukan di Parlimen.

Ringkasnya, pilihan raya umum 1999 mengurangkan peratus penguasaan kuasa bangsa Melayu pada peringkat membuat dasar dan lanjutan daripada itu kita melihat ada unsur daripada kaum lain yang mula membuat tuntutan yang boleh menggugat kestabilan politik, ekonomi, sosio budaya dan pelbagai lagi.

Bagaimanapun, penyatuan Melayu yang diusahakan oleh Dr Mahathir itu kurang mendapat sambutan daripada parti politik Melayu sendiri, terutama pembangkang. Pembangkang, terutama Pas melihat kesungguhan Umno itu sebagai jerangkap maut untuk mereka, kerana itu mereka mengadakan pelbagai helah.

Persoalannya, mengapa hanya Umno pimpinan Dr Mahathir saja bersungguh-sungguh inginkan perpaduan bangsa Melayu? Kepada masalah ini, kita sudah banyak membaca dan mendengar pandangan intelektual dalam pelbagai bidang, termasuk di media cetak dan elektronik.

Kita sengaja mengajak pembaca supaya berkongsi pandangan melihat ke luar diri masing-masing. Cuba perhatikan bagaimana negara besar, termasuk Amerika mulai menghadapi tekanan perpecahan.

Paling dekat dengan kita ialah Indonesia yang hampir 90 peratus penduduknya beragama Islam, tetapi tidak lagi mempunyai jati diri. Begitu juga dengan Filipina, memilih presiden daripada seorang pelakon. Negara lain, termasuk Fiji, Ghana, Kongo.

Di negara Islam, perpecahan dan tiada sepakatnya pemimpin menyebabkan Israel bermaharajalela ke atas rakyat Palestin. Pada hal realiti sosiopolitik Islam, umat Islam di seluruh dunia bersaudara, tetapi adakah negara Islam mempraktikkan maksud firman Allah dalam al-Quran, ayat sepuluh Surah al-Hujraat ini.

Begitu juga umat Islam, khususnya di Timur Tengah tidak lagi memandang berat hadis Nabi Muhammad saw yang bermaksud umat Islam itu seperti sebuah bangunan, setiap juzuk memperkukuh juzuk yang lain. (Rujuk Sahih Bukhari dan Muslim).

Umat Islam terpukau dengan pelbagai fahaman yang diperkenalkan Barat, seperti demokrasi, sosialisme, komunisme, liberalisasi dunia tanpa sempadan dan pelbagai lagi. Ringkasnya, umat Islam sudah mula layu. Mereka tidak segagah tahun 711 Masehi apabila menguasai hampir satu pertiga blok dunia. Kini umat Islam seperti siput babi yang takutkan garam.

Perkara inilah yang cuba dielakkan Dr Mahathir. Beliau mahu mengembalikan kekuatan Islam, tetapi dengan memperkukuh barisan bangsa Melayu. Perkara ini penting, di Malaysia bangsa Melayu sinonim dengan Islam. Apabila disebut Islam di negara ini, ia bererti bangsa Melayu. (Rujuk Perlembagaan Negara, 152).

Dari segi geografinya, bangsa Melayu mengisi blok Asia yang besar bermula dari Kemboja sehingga ke Madagascar di Afrika. Kedudukan dan jumlah keluasan kawasan serta penduduk yang hampir 400 juta adalah satu kekuatan yang luar biasa. Jika bangsa Melayu bersatu ia mempunyai kekuatan politik, ekonomi, budaya dan masyarakat yang kukuh di sebelah sini.

Musuh politik Melayu tidak mahu melihat bangsa Melayu itu semakin kuat dan menjadi satu blok seperti di Eropah. Jika ia dibiarkan, bangsa Melayu boleh menjadi satu kekuatan yang besar dalam pelbagai bidang, termasuk ketenteraan, politik, ekonomi dan pelbagai lagi. Oleh itu mereka bekerja keras mengekangnya. Mereka mengadakan pelbagai konspirasi politik, budaya, pendidikan, termasuk penjajahan minda dan merosakkan ekonomi.

Kemelut ekonomi di Asia pada 1997 jelas memperlihatkan usaha itu. Mereka berjaya menjatuhkan Presiden Suharto di Indonesia, menaikkan Estrada seorang pelakon filem di Filipina, menghasut generasi muda di hampir seluruh negara di Asia, khususnya di dunia Melayu supaya menentang kerajaan yang sah.

Mereka menyokong reformasi dan demonstrasi jalanan kerana musuh politik Melayu itu menduga dengan cara itu mereka boleh melumpuhkan kuasa pemerintah yang dipilih secara demokrasi ciptaan Barat sendiri.

Jika kita perhatikan bersungguh-sungguh, semua strategi buku berkenaan sudah dipraktikkan dalam strategi Barat untuk melemahkan Islam. Antaranya menghancurkan Bosnia-Herzegovina, Kosovo, Iraq, Palestin, Lubnan dan melaga-laga negara Islam di dunia serta pelbagai lagi.

Secara kebetulan, bangsa Melayu di Malaysia dan di seluruh Nusantara adalah beragama Islam, kerana itu hampir seluruh jentera perang saraf dan konspirasi Barat ditujukan ke Asia, khususnya Malaysia dan Indonesia. Mereka berjaya di Indonesia, tetapi di Malaysia mereka tersekat kerana ada Perdana Menteri yang pantas fikirannya dan cepat serta tepat tindakannya.

Dr Mahathir tidak rela bangsa Melayu dan Islam diperlekeh seperti kura-kura atau penyu yang sedang bertelur. Untuk kembali kuat dan kukuh, terutama Islam, bangsa Melayu mesti bersatu dan melupakan percanggahan politik. Perkara ini penting kerana politik itu bermusim, sementara agenda pembangunan bangsa dan agama berterusan.

Kita mengharapkan perbincangan untuk penyatuan semula bangsa Melayu dapat diteruskan dan diredai Allah. Bersatunya bangsa Melayu bukan sekadar mengukuh bangsa itu saja, malah mengukuh agama Islam di negara ini.

(END)